

UCHAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN 'AM MALAYSIA  
DI-UPACHARA PEMBUKAAN RESMI PUSAT PERKUMPULAN  
PEREMPUAN, JOHORE ROAD, SIMANGGANG PADA  
HARI JUMA'AT, 30HB. JUN, 1972, JAM 9.00 PAGI.

Terlebeh dahulu saya menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Ahli2 Jawatankuasa Persatuan Perkumpulan Perempuan Negeri Sarawak kerana sudi menjemput saya merasmikan pembukaan Pusat Perkumpulan ini. Sesunggoh-nya ini ada-lah satu kehormatan yang saya sanjong tinggi dan dengan menghadiri Majlis ini maka dapat-lah saya berkenalan dengan lebuh rapat lagi dengan para hadhirin sekelian. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menguchapkan setinggi tahniah kapada Ahli2 Jawatankuasa Perkumpulan khas-nya dan semua ahli2 Perkumpulan 'am-nya yang telah menumpukan tenaga mereka masing2 untuk mengadakan bangunan yang indah ini, yang mana bukan sahaja akan menjadi satu tempat untuk menguruskan aktibiti2 Perkumpulan ini bahkan akan menjadi satu pusat di-mana ahli2 dapat berjumpa; di-mana ahli2 dapat meranchang dan mengkaji aktibiti2 mereka; di-mana ahli2 dapat bertukar2 fikiran dan pengalaman, yang perlu bagi faedah ahli2 dan seterus-nya negara.

Setahu saya ahli2 Perkumpulan ini terdiri daripada semua perengkat masharakat tanpa membezakan taraf dan pangkat. Ini ada-lah suatu perkara yang baik dan terpuji, sejajar dengan konsep Rukunegara. Di-tinjau dari segi matlamat Perkumpulan ini pula saya dapatibahawa tujuan utama untuk menjaga kebajikan dai memenohi keperluan2 ahli2 dan keluarga2 mereka masing2 supaya dapat di-bentok satu masharakat yang dinamis ada-lah satu matlamat yang suchi dan terpuji. Keadaan sosial yang jitu, keadaan hidup yang aman lebuh aktib, akan menghasilkan ra'ayat yang berfaedah dan jujor. Ini-lah yang di-chitai oleh Kerajaan. Ini-lah matlamat Kerajaan. Ini-lah suatu chara untuk mempastikan kejayaan semua ranchangan2 dainamik Kerajaan.

Beberapa tahun yang akan datang ini, negara kita Malaysia akan menempoh suatu era yang penoh charan. Kerajaan telah menyatakan keazaman-nya untuk mengwujudkan ra'ayat yang dainamik, berdikari dan adil, ra'ayat yang berinitiatif, ,ra'ayat yang hidup-nya aman dan maamor. Saya yakin matlamat keramat ini boleh di-chapai. Pada masa dahulu kebanyakan mudi2 sangat berpuas hati dengan hanya tinggal di-rumah sahaja tetapi pada hari ini dengan perubahan keadaan yang pesat puan2 sekarang ini sudah pun tampil kah-dapan. Sunggoh pun demikian kita perlu memainkan

peranan yang lebeh berkesan dan memikul tanggongjawab yang lebeh berat untok kestabilan dan kekukohan keluarga supaya dapat kita membentokkan satu masharakat yang dainamis. Untok melaksanakan tugas2 ini Perkumpulan Perempuan perlu mengetahui akan semua kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan - lebeh2 lagi Perkumpulan Perempuan perlu mengetahui chara2 positif bagi menggunakan kemudahan2 tersebut.

Umpama-nya dalam didekan kanak2 kita seharusnya membentok jiwa dan peribadi anak2 kita itu dengan baik lagi terator. Misal-nya dari segi kesihatan, kita seharus-nya menggunakan kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan untok menjamin kesihatan yang baik bagi anak2 kita, dan tidak-lah selama2-nya menggunakan perkhidmatan2 kesihatan untok rawatan sahaja. Sa-perkara lagi ia-lah mengenai pelajaran. Kerajaan ada menyediakan pusat2 pengajian dari sekolah2 rendah hingga-lah ka-peringkat Universiti. Kesemua-nya ini ada-lah untok kegunaan anak2 kita sekalian. Saya dapati ada di-antara kaum ibu yang tidak sebegitu minat di-dalam mempasti dan mendorongkan anak2 mereka mendapat pelajaran yang sempurna. Saya ingin menegas-kan di-sini bahawa kita perlu mengambil tahu dengan lebeh mendalam tentang kesulitan2 anak2 kita dan menolong mengatasi-nya. Kita perlu mengetahui tentang maju mundur-nya anak2 kita. Ini bermaana-lah bahawa kita perlu mengetahui akan faktor yang menghalangkan kemajuan dan mengambil tindakan menchegah untok menge-lakkan tindakan setelah berlaku-nya sesuatu yang tidak di-ingini. Saya yakin bahawa Perkumpulan Perempuan Sarawak di-antara lain2 aktibiti2 patut menjalankan satu revolusi mental, di-kalangan kaum ibu yang mana boleh di-anggapkan sebagai satu alat yang dapat meng-hasilkan perubahan2 yang berkesan dalam pembentukan satu jenerasi Malaysia yang sehat dan terpelajar. Ada-kah satu tugas yang lebeh mulia dan bertanggongjawab daripada ini?

Akhir-nya saya sekali lagi menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada semua ahli2 atas kejayaan menga-dakan bangunan yang indah ini yang saya harap akan menjadi satu pusat gerakan2 (nerve centre) bagi peran-changan aktibiti2 Perkumpulan Perempuan di-Sarawak yang mana seharus-nya di-arahkan ka-semua kampong dan desa supaya pergerakan ini dapat di-perkembangkan dengan lebeh luas. Kepada semua para hadzirin saya ingin menguchapkan "APA YANG BERLAKU KELMARIN ADA-LAH MENJADI KENYATAAN HARI INI DAN APA YANG DI-RANCHANGKAN HARI INI AKAN MENJADI KENYATAAN2 ESOK HARI" Dengan kenyataan ini saya menguchapkan Selamat Berkhidmat dan Selamat Maju Jaya dan dengan amat sukachita merasmikan pembukaan Pusat Perkumpulan Perempuan Simanggang.